

16 DEC 1998
Asean-Deklarasi/I
SIDANG SOKONG GESAAN M'SIA GUNAKAN MATA WANG ASEAN

Oleh: E.Sivabalan

HANOI, 16 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean mengakhiri mesyuarat sidang kemuncak keenam mereka di sini dengan memberikan sokongan kepada cadangan Malaysia untuk menggunakan mata wang Asean bagi perdagangan antara Asean.

Mereka bersetuju untuk menggalakkan penggunaan mata wang Asean yang lebih luas dalam usaha menangani krisis kewangan rantau ini dan mempercepatkan pemulihan ekonomi, menurut Deklarasi Hanoi yang ditandatangani oleh kesemua sembilan pemimpin Asean pada akhir sidang kemuncak itu.

Menurut deklarasi itu, mereka turut mencadangkan agar masyarakat antarabangsa menggunakan pendekatan baru dan inovatif untuk mempercepatkan pulangan aliran modal swasta ke rantau ini.

Masyarakat antarabangsa mempunyai tanggungjawab untuk terus memberikan sokongan kepada usaha-usaha pembaharuan ekonomi rantau ini menerusi bantuan dua hala dan pelbagai hala.

Deklarasi lapam muka surat itu turut menyambut baik bantuan inisiatif Jepun sebanyak US\$30 bilion kepada rantau ini menerusi "Pelan Miyazawa" dan Inisiatif Pemulihan dan Pertumbuhan Asia untuk menggerakkan pertumbuhan sektor swasta di Asia.

Asean memang menunggu pelaksanaannya dengan segera, menurut deklarasi itu.

Sambil menegaskan bahawa Asean komited untuk melaksanakan pembaharuan ekonomi dan kewangan bagi memperkukuhkan negara masing-masing, para pemimpin berkenaan percaya bahawa usaha-usaha pembaharuan pada tahap global amat penting untuk menangani pelbagai kelemahan dalam struktur kewangan antarabangsa.

Deklarasi itu menyatakan para pemimpin berkenaan turut menggesa lebih banyak usaha dilaksanakan dalam Kumpulan 22 (G-22) atau versinya diperluas bagi menangani pelbagai kelemahan dalam struktur kewangan antarabangsa.

Bagi pihak Asean, kumpulan itu akan terus memainkan peranan aktif dalam masyarakat antarabangsa bagi mempercepatkan pembangunan dan pelaksanaan pembaharuan-pembaharuan itu, menurut deklarasi itu.

Para pemimpin itu yang mengakui bahawa kegawatan ekonomi dan kewangan telah banyak menjejaskan keuntungan yang dicapai oleh negara-negara Asean, berikrar untuk saling bekerjasama "menerusi kerjasama yang lebih rapat dan perpaduan yang lebih kukuh" untuk menangani kesukaran ekonomi di negara masing-masing.

"Kita akan menggerakkan Asean ke arah kerjasama serantau yang lebih baik bagi memperkukuhkan keberkesanan Asean dalam menghadapi pelbagai cabaran saling bergantung antara Asean dan intergrasinya dalam ekonomi global.

"Dalam berbuat demikian, kami komited untuk mempergiatkan lagi dialog kami mengenai isu-isu semasa dan mendatang, memperkukuhkan perpaduan yang pelbagai, kerjasama kami dan harmoni," menurut deklarasi itu.

Para pemimpin berkenaan turut mengulangi komitmen mereka untuk lebih mengintergrasikan ekonomi mereka sebagai tanda mengutamakan kerjasama dan perpaduan.

"Oleh itu, kita tidak akan mengecualikan sebarang usaha untuk segera memulihkan kestabilan kewangan dan ekonomi makro, memastikan pemulihan awal dan mengekalkan pertumbuhan mampan," kata mereka dalam deklarasi itu.

Bagi mencapai perkara itu, Asean perlu melaksanakan Proses Pengawasan

Asean, berasaskan kajian teliti bagi menggariskan risiko-risiko yang mungkin timbul, mencadangkan maklum balas yang bersesuaian dan menggalakkan tindakan awal untuk mengelakkan risiko seperti itu, kata deklarasi itu.

Pemimpin berkenaan turut berikrar untuk terus memastikan Asean menjalankan pasaran terbuka kerana mereka mengenalpasti kunci untuk memperkukuh dan menstabilkan mata wang rantau ini adalah dengan menarik pelaburan jangka panjang.

"Asean mengulangi komitmennya untuk meliberalisasi dan mempermudah perdagangan dan pelaburan di tahap serantau dan pelbagai hala dan akan terus mengambil langkah konkrit bagi mencapai objektif itu," menurut dokumen itu.

Para pemimpin Asean juga bersetuju untuk memperkukuhkan keyakinan di negara masing-masing dengan terus mengekalkan hubungan mesra di kalangan mereka dan memelihara keselamatan rantau ini.

Bagi mencapai perkara ini, mereka bersetuju untuk mempercepatkan pengesahan Protokol Kedua dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara bagi membolehkan negara bukan serantau mematuhi perjanjian itu secepat mungkin.

Bagi memperkukuhkan kerjasama dan perpaduan di kalangan negara anggota Asean, para pemimpin turut berikrar untuk menangani masalah yang tertunggak dan menyelesaikan perbalahan mengikut cara Asean serta amalan dan undang-undang antarabangsa.

Mereka juga bersetuju menggalakkan sebarang usaha menyelesaikan sebarang tuntutan di Laut China Selatan secara aman dan mengesa semua pihak terbabit mengelak daripada mengambil tindakan yang boleh menjejaskan keamanan, keselamatan dan kestabilan rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

Mereka yang menandatangani deklarasi itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sultan Brunei Hassanal Bolkiah, Presiden Indonesia B.J.Habibie, Perdana Menteri Laos Sisavath Keobounphanh, pemimpin Myanmar Jen Than Shwe, Presiden Filipina Joseph Estrada, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai dan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai.

-- BERNAMA
ES RHM RON